

PM: Pertahanan kemuliaan

11 AUG 2002

KUALA LUMPUR 31 Julai – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kemuliaan institusi keluarga dan perkahwinan yang menjadi nilai masyarakat Malaysia perlu dihargai dan dipertahankan.

Beliau percaya nilai-nilai murni dan disiplin yang dipupuk daripada institusi tersebut akan dapat membantu mengurangkan pelbagai masalah sosial yang melanda masyarakat.

Bagi Perdana Menteri, walaupun Malay-

sia sedang menuju wawasan menjadi sebuah negara maju, ia tidak bermakna sistem nilai murni melibatkan institusi keluarga dan perkahwinan harus dikorbankan.

Menurutnya, tidak dapat dinafikan bahawa peningkatan jenayah turut berpunca daripada keruntuhan institusi keluarga dan nilai-nilai kekeluargaan.

“Apabila sesebuah negara mencapai kemajuan, mangsa pertama ialah keluarga kerana pada kebiasaannya suami isteri bekerja dan tidak mempunyai masa cukup untuk bersama anak-anak.

“Ini menjadikan hubungan kekeluargaan kurang baik dan anak-anak tidak mendapat kasih sayang dan didikan secukupnya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Program Utamakan Keluarga - Semakin Hari Semakin Sayang anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, di sini hari ini.

Perdana Menteri menasihati ibu bapa supaya berusaha meluangkan sedikit masa dengan anak-anak walaupun tidak mempunyai banyak kesempatan bersama mereka.

institusi keluarga

“Dengan itu kita masih dapat menyemai budaya baik ke jiwa mereka,” katanya.

Dr. Mahathir mengingatkan anak-anak yang membesar tanpa kasih sayang dan didikan secukupnya akan rosak kerana mereka tidak faham makna dan disiplin kekeluargaan.

“Sebab itu kita lihat banyak masalah sosial seperti ponteng, keganasan di sekolah, tidak belajar dan penyalahgunaan dadah serta jenayah berlaku dalam masyarakat,” katanya.

Justeru Perdana Menteri mengalu-

alukan usaha kementerian menganjurkan program yang dilancarkan hari ini dalam usaha menggalakkan anggota masyarakat mengutamakan keluarga masing-masing.

Dr. Mahathir berkata, konsep keluarga yang luas melibatkan saudara-mara yang lain perlu diberi perhatian dan dihidupkan semula dalam masyarakat.

Ini kerana, menurutnya, ia merupakan kerangka asas sesebuah masyarakat dan mampu menjadi benteng menangkis pelbagai gejala sosial.